

**Pusat Pengundian Bagi Memilih Presiden Baru Singapura Ditutup  
Bernama  
27 Ogos 2011**

SINGAPURA, 27 Ogos (Bernama) -- Pusat pengundian di seluruh Singapura bagi pemilihan Presiden baru ditutup pukul 8 malam.

Terdahulu, calon yang bertanding hadir ke pusat itu sebagai pengundi dan pemerhati.

Penyandang Presiden S.R. Nathan, yang akan tamat penggal memegang jawatan pada 31 Ogos, dilihat mengundi di Haig Girls' School pagi tadi bagi memilih penggantinya.

Bercakap kepada pemberita selepas itu, Nathan berkata tidak sukar baginya untuk memilih calon yang mahu diundi.

Pengiraan undi akan berlangsung tidak lama lagi bagi menentukan siapa yang dipilih daripada empat Tan yang bertanding.

Mereka ialah bekas Timbalan Perdana Menteri Dr Tony Tan Keng Yam, bekas Anggota Parlimen Dr Tan Cheng Bok, bekas Pegawai Eksekutif NTUC Income iaitu syarikat insurans tempatan, Tan Kin Lian, dan bekas pegawai kanan kerajaan Tan Jee Say.

Terdapat kira-kira 2.27 juta calon yang layak mengundi di negara bandar raya ini.

Pilihan raya Presiden ini disifatkan sebagai 'bersejarah' kerana ia julung kali diadakan sejak 1993 apabila Ong Teng Cheong menang dalam pertembungan satu lawan satu, dan buat pertama kali menyaksikan saingan membabitkan ramai calon yang bertanding.

---BERNAMA

Hakcipta © 2011 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsindex.php?id=610817>